

LAWATAN AKS MATERIEL KE PANGKALAN UDARA LABUAN



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/1661-lawatan-aks-materiel-ke-pangkalan-udara-labuan

Pangkalan Udara Labuan menerima kunjungan rasmi AKS Materiel, Brig Jen Dato' Dr Mohd Yunus bin Masjuki TUDM. Kehadiran beliau telah disambut oleh Komander Pangkalan, Brig Jen Zulkifli bin Hamid TUDM. Beliau telah diiringi oleh Ketua Cawang Materiel pangkalan, Mej Salehudin bin Azam TUDM sepanjang lawatan tersebut.

Lawatan kerja ini bertujuan untuk melihat sendiri perkembangan Cawang Materiel di pangkalan ini selain menyampaikan amanat serta mendengar cadangan dan masalah yang dihadapi demi meningkatkan mutu perkhidmatan dan kebajikan anggota.

